

Pritam Singh berucap di majlis tamat pengajian NUS

KETUA Parti Pekerja (WP) Pritam Singh berkata beliau bukanlah pelajar cemerlang dari sekolah rendah hingga maktab rendah (JC). Namun, keadaan itu berubah apabila beliau memasuki universiti.

“Jangan cakap lulus, melayakan diri ke Fakulti Kesenian dan Sains Masyarakat (di Universiti Nasional Singapura, NUS) sahaja rasa seperti saya menang loteri.

“Keadaan berubah semasa saya di NUS. Pembelajaran menjadi seronok. Mungkin disebabkan perubahan sikap setelah melalui Perkhidmatan Negara (NS) yang positif,” ujarnya, yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Aljunied.

Beliau berkata demikian semasa berucap di majlis tamat pengajian NUS di Pusat Budaya Universiti semalam.

Dalam ucapannya, Encik Singh menyoroti perjalanan akademiknya daripada Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE), memasuki aliran Normal di sekolah menengah dan memasuki JC kepada NUS.

“Saya selalunya pelajar yang boleh diperingkat prestasinya,” ujarnya.

Namun, apabila memasuki NUS, Encik Singh berkata beliau memilih subjek yang diminati – sains politik dan sejarah.

“Guru di NUS yang memainkan peranan besar. Saya menggunakan perkataan guru (tea-



ENCIK PRITAM SINGH: Menggalak siswazah mengejar bidang yang diminati dan mendengar suara hati dan minda dalam ucapannya di majlis penyampaian ijazah NUS semalam. – Foto BH oleh GIN TAY

cher) dengan sengaja kerana seorang akademik di peringkat mahasiswa harus mencetus inspirasi,” ujarnya.

Beliau menyebut beberapa guru runya daripada jabatan sains politik seperti Dr Alan Chong, Dr Kripa Sridharan, Profesor Madya Bilveer Singh, Dr Lam Peng Er dan Dr Ishtiaq Hossain yang meninggalkan kesan.

Dalam mesejnya kepada siswazah, Encik Singh menggalak mereka supaya mengejar bidang yang mereka minati.

“Penting bagi anda mendengar hati dan minda dan membantu kecemerlangan,” ujarnya.